

# Tan Sri Menyampaikan Amanat Kepada Staf Sebelum Persaraannya

Kecemerlangan Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan lebih menyerlah jika setiap sekolah, pusat dan institut di universiti tersebut mewujudkan *niche* masing-masing, kata Naib Canselor pertama, Tan Sri Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Abu Hassan Othman.

Menurut beliau, dengan adanya *niche* atau kepakaran khusus masing-masing, setiap sekolah, pusat dan institut akan mampu bersaing dengan lebih baik lagi sama ada di dalam atau luar negara.

Beliau berkata demikian semasa menyampaikan Amanat Naib Canselor 2005 bersempena persaraan beliau pada 18 Mac ini, di Dewan Kuliah Perdana UMS, pada 16 Mac 2005.

Menurut Tan Sri, setiap universiti terkemuka dunia seperti Universiti Harvard, Yale, Cornell, Cambridge, Oxford dan lain-lain mempunyai *niche* masing-masing.

Sebagai contoh, beliau berkata reputasi Universiti Harvard di Amerika Syarikat sebenarnya hanya kerana Sekolah Perniagaan mereka yang terkenal.



**AMANAT...** Tan Sri Prof. Dr. Abu Hassan (kiri) menyampaikan amanat sebelum persaraan beliau kepada para staf UMS.

"Kita juga mampu berbuat sedemikian, seperti Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat UMS yang telah menempah *niche* nya dalam bidang teknologi pembinaan dengan menghasilkan rumah kos rendah yang dibina menggunakan batu-bata yang diperbuat daripada kelapa sawit," kata beliau.

bersambung di muka 10...